



**SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR**

LAPORAN TAHUNAN 2017

 +607-2666422

 <http://spaj.johor.gov.my>

 Kota Iskandar

 spaj@johor.gov.my



**SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR**

LAPORAN TAHUNAN 2017

 +607-2666422

 <http://spaj.johor.gov.my>

 Kota Iskandar

 spaj@johor.gov.my

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Dato' Haji Marsan bin Kassim

PENASIHAT

Sufian bin Suleiman

KETUA SIDANG REDAKSI

Hajah Kasmah binti Kasno

SIDANG REDAKSI

Mohamed Faizal bin Abdul Ansar
Norhafizah binti Osman
Hajah 'Aini binti Khairan
Abdul Rahman bin Hashim
Mohd Firdauz bin Mustaffa
Zaharah binti Othman

JURUFOTO

Mohamed Faizal bin Abdul Ansar

KERJASAMA

Ahli-Ahli Suruhanjaya

PENGHARGAAN

Bahagian Pengambilan & Pentadbiran
Bahagian Pengurusan Maklumat

KANDUNGAN

3 **Visi dan Misi**

4 **Perutusan Pengerusi**

7 **Kata Aluan Setiausaha**

10 **Ringkasan Eksekutif**

13 **Latar Belakang**

15 **Ahli-Ahli SPAJ**

17 **Urus Setia Suruhanjaya**

Carta Organisasi

Fungsi Bahagian

22 **Kaedah Pengambilan**

25 **Urusan Pelantikan**

29 **Urusan Perkhidmatan**

40 **Urusan Kenaikan
Pangkat Dan Kawalan
Tatatertib**

44 **Mesyuarat Suruhanjaya**

46 **Perbelanjaan Mengurus**

49 **Pengurusan Maklumat**

54 **Aktiviti Suruhanjaya**

66 **Aktiviti Warga SPAJ**

71 **Belasungkawa**

72 **Penghargaan**

VISI

Menjadi agensi berwibawa dalam urusan pelantikan dan pengurusan perkhidmatan penjawat awam Negeri Johor.

MISI

Melantik anggota perkhidmatan awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan terbaik bagi memenuhi keperluan Negeri Johor.



PERUTUSAN PENGGERUSI

” Menjadi keutamaan SPAJ
untuk memilih calon-calon
terbaik bagi menggalas dan
melaksanakan agenda
pembangunan dan dasar-
dasar Kerajaan Negeri demi
memastikan kemajuan dan
kesejahteraan rakyat ”



PERUTUSAN PENGGERUSI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan dan rahmatNya, Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) Tahun 2017 telah berjaya diterbitkan. Laporan ini merekodkan urusan-urusan yang berkaitan dengan fungsi dan aktiviti SPAJ sepanjang tahun 2017 dan diharap menjadi asas perkongsian maklumat dan sumber rujukan kepada pihak yang berkepentingan dan jabatan-jabatan kerajaan dalam memastikan pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam berada ditahap yang cemerlang.

Selaras dengan tanggungjawab SPAJ menguruskan pelantikan pegawai awam di dalam perkhidmatan awam Johor, menjadi keutamaan SPAJ untuk memilih calon-calon terbaik bagi menggalas dan melaksanakan agenda pembangunan dan dasar-dasar Kerajaan Negeri demi memastikan kemajuan dan kesejahteraan rakyat. Untuk itu SPAJ harus memastikan pegawai-pegawai yang dipilih dan dilantik merupakan pegawai yang mempunyai sahsiah dan jati diri yang terbaik selaras dengan tugas-tugas yang akan dijalankan oleh pegawai tersebut. Untuk itu selain daripada penilaian berdasarkan kecemerlangan akademik, kriteria-kriteria lain

seperti aspek kompetensi dan sahsiah diri juga di titik beratkan.

Sepanjang tahun 2017, SPAJ telah meneruskan usaha-usaha memantapkan perkhidmatannya dan bergerak kearah pendekatan digital selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dewasa ini. SPAJ sentiasa mempertingkatkan keupayaan sistem penyampaian dari masa kesemasa dalam mengharungi cabaran semasa dan aspirasi rakyat.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, semua ketua jabatan dan semua yang terlibat atas kerjasama yang di berikan kepada SPAJ sepanjang tahun 2017. Semoga kerjasama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada pihak pengurusan dan warga SPAJ seluruhnya atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menggalas tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan. Saya berdoa semoga segala usaha yang dilakukan sentiasa diberkati dan dalam lindungan Allah SWT jua.

DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



KATA ALUAN SETIAUSAHA

"SPAJ juga memastikan akan memberi maklumat yang tepat dan bersepadu seiring dengan objektif penyampaian perkhidmatan yang berterusan dan informasi mudah capai kepada jabatan dan orang awam"



KATA ALUAN SETIAUSAHA

Assalamualikum Dan Salam Sejahtera

Pertamanya saya ingin merakamkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya maka Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) Tahun 2017 berjaya disiapkan. Laporan Tahunan SPAJ disediakan untuk memenuhi tuntutan Seksyen 17 Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Bagi tahun 2017, SPAJ telah melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan bagi 10 skim perjawatan untuk mengisi 360 kekosongan pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam negeri Johor yang melibatkan sebanyak 44,789 permohonan yang dibuat melalui sistem JohorCareer.

Suruhanjaya juga telah menerima 461 permohonan pengesahan lantikan, 768 perakuan pengesahan dalam jawatan, 315 permohonan pemberian taraf berpecen. Terdapat 21 orang telah diambil tindakan pelanjutan tempoh percubaan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Berdasarkan permohonan tersebut,

suruhanjaya telah bersidang sebanyak 12 kali sepanjang tahun 2017 bagi memutuskan perkara-perkara tersebut.

Selain itu, SPAJ juga telah mempertimbangkan 1 permohonan rayuan kenaikan pangkat serta 18 permohonan rayuan tindakan tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

SPAJ juga memastikan akan memberi maklumat yang tepat dan bersepadu seiring dengan objektif penyampaian perkhidmatan yang berterusan dan informasi mudah capai kepada jabatan dan orang awam.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Johor kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk mentadbir SPAJ mulai tahun 2017. Terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan SPAJ yang banyak membantu melancarkan urusan di SPAJ bagi mencapai prestasi tinggi perkhidmatan awam negeri Johor.

SUFIAN BIN SULEIMAN

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya dan menghantarkannya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan salinannya dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April, 1959. Ia adalah sebuah Badan yang di pertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota di dalam perkhidmatan awam Johor selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Dalam melaksanakan semua fungsi Suruhanjaya, Seksyen 4 (2), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang

daripada dua dan tidak lebih daripada empat orang ahli. Ahli Suruhanjaya dibantu oleh urus setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Bagi tahun 2017 di bawah kepala Tanggungan T.02, Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM599,000.00. Perbelanjaan tersebut adalah untuk perbelanjaan Bekalan dan Perkhidmatan. Setakat 31 Disember 2017 jumlah perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM 588,763.60.

Dibawah maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM 1,079,000.00. Daripada jumlah tersebut, peruntukan emolumen adalah sebanyak RM865,000.00 dan bakinya bekalan dan perkhidmatan adalah sebanyak RM214,000.00. Perbelanjaan sebenar setakat 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM 893,198.88.

Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya telah menjalankan urusan kerja dan tindakan-tindakan yang dilakukan selaras dengan bidang kuasa dan tugas yang dijalankan oleh SPAJ. Urusan-urusan ini termasuk Urusan Pengambilan, Urusan Perkhidmatan, Urusan Kenaikan Pangkat, Urusan Tatatertib dan Mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya.

Urusan Kerja dan tindakan-tindakan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH
1	Permohonan Permohonan diterima	44789
2	Pengambilan Urusan pengambilan	10
3	Pelantikan Pelantikan Tetap	362
4	Urusan Perkhidmatan Pengesahan Pelantikan Pengesahan Dalam Pekhidmatan Pelanjutan Tempoh Percubaan Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) Pemberian Taraf Berpencen Penentuan Gaji Permulaan Pertukaran Perkhidmatan	461 768 21 8 315 50 -
5	Urusan Kenaikan Pangkat Kenaikan Pangkat Rayuan Kenaikan Pangkat	2 8
6	Urusan Tatatertib Tindakan Tatatertib Rayuan Tatatertib	- 18
7	Mesyuarat Suruhanjaya Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor Mesyuarat Khas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor Mesyuarat Tapisan Mesyuarat Pelantikan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat Mesyuarat Pelanjutan Tempoh Percubaan	12 4 9 8 5 1 6



LATAR BELAKANG SPAJ

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April, 1959.

OBJEKTIF DAN TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri, Suruhanjaya adalah bertanggungjawab bagi:

- Melantik
- Mengesahkan
- Memasukkan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen
- Menaikkan Pangkat
- Menukar
- Menjalankan Kawalan Tatatertib ke atas pegawai yang berada di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

PENARIKAN BALIK PERWAKILAN KUASA DI BAWAH PEKELILING TETAP KERAJAAN JOHOR BILANGAN 96 BERTARIKH 10 FEBRUARI 1964

Suruhanjaya telah menarik semula kuasa yang diwakilkan kepada jabatan sebagaimana dalam surat perwakilan kuasa tahun 1964. Semua urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi jawatan Gred 16 dan ke bawah dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepenuhnya.





AHLI-AHLI SURUHANJAYA

Pengenalan

Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di bawah Seksyen 4(2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Ahli Suruhanjaya yang sedang berkhidmat adalah sebagaimana berikut:

Pengerusi

- i. YB Dato' Haji Marsan bin Kassim

Ahli-Ahli Suruhanjaya

- ii. Tuan Haji Mohd. Jaffar bin Haji Awang
- iii. Tuan Haji A. Jabar bin Md. Tahir
- iv. YB Dato' Haji Abd. Razak bin Hassan
- v. Tuan Haji Norizan bin Kulob

GAMBAR AHLI-AHLI SURUHANJAYA



YB Dato' Haji Marsan bin Kassim
Pengerusi

AHLI-AHLI



Tuan Haji Mohd. Jaffar bin Haji Awang



Tuan Haji A. Jabar bin Md. Tahir



YB Dato' Haji Abd. Razak bin Hassan



Tuan Haji Norizan bin Kulob



URUS SETIA SPAJ

Pengenalan

Urus setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir N29 serta 13 orang pegawai sokongan pelbagai jawatan dan gred. Pejabat urus setia Suruhanjaya terletak di Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, Iskandar Puteri.

Pegawai dan Kakitangan Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

Setiausaha

Tuan Haji Mohamad Yazid bin Baharudin
(sehingga 15 April 2017)
Encik Sufian bin Suleiman
(mulai 16 April 2017)

Penolong Pegawai Tadbir

Puan Hajah Kasmah binti Kasno

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar

Setiausaha Pejabat

Puan Norhafizah binti Osman

Pembantu Tadbir Kanan

Puan Hajah 'Aini binti Khairan

Pembantu Tadbir (Kewangan)

Puan Nur Zela binti Othman

Pembantu Tadbir (P/O)

Encik Mohd Firdauz bin Mustaffa
Encik Abdul Rahman bin Hashim
Puan Noratikah binti Zainuddin
Puan Zaharah binti Othman
Puan Faiza binti Saman

Pegawai Khidmat Pelanggan

Puan Nur Afifah binti Md Salleh

Pembantu Operasi

Encik Mohd Fadzlin bin Zakaria



PEGAWAI DAN KAKITANGAN URUS SETIA SPAJ




Dari Kiri Berdiri Hadapan

Puan Nur Zela binti Othman, Puan Norhafizah binti Osman, Puan Hajah Kasmah binti Kasno, Encik Sufian bin Suleiman (Setiausaha), Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar, Puan Hajah 'Aini binti Khairan, Cik Aima Adeeba binti Jaffri

Dari Kiri Berdiri

Puan Nur Afifah binti Md Salleh, Puan Faiza binti Saman, Cik Nurhidayah binti Saroni, Cik Nur A'esyah binti Rahim, Puan Zaharah binti Othman, Encik Mohd Firdauz bin Mustaffa, Encik Nur Arif bin Ahmad

CARTA ORGANISASI URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR



BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PENTADBIRAN**Unit Pentadbiran dan Kewangan**

- Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan, perjawatan kakitangan dan menguruskan belanjawan, kewangan am, pelupusan inventori dan harta modal jabatan.

Unit Perkhidmatan dan Pengambilan

- Melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga 40 ke dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi:

1. Pengesahan Pelantikan.
2. Pengesahan Dalam Perkhidmatan.
3. Pelanjutan Tempoh Percubaan.
4. Pengecualian Menghadiri PTM
5. Pemberian Taraf Berpencen.
6. Penetapan Gaji Permulaan.
7. Pertukaran Perkhidmatan.
8. Penamatan Perkhidmatan.

- Melaksanakan urusan Rayuan Kenaikan Pangkat dan Rayuan Tata tertib bagi semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor.
- Menguruskan Kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri Johor.
- Menguruskan tindakan tata tertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

- Bertanggungjawab dalam membangun dan menyelenggara sistem perkomputeran yang meliputi aplikasi, infrastruktur rangkaian, peralatan dan perisian komputer.
- Membuat penyelenggaraan ke atas komputer yang telah dibekalkan serta memastikan peralatan ICT tersebut dalam keadaan yang baik.
- Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.



KAEDAH PENGAMBILAN

KAEDAH PENGAMBILAN PENGISIAN JAWATAN KOSONG SPAJ

Urusan Pengiklanan Jawatan Kosong

Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan di dalam Portal JohorCareer. Bagi tahun 2017 Suruhanjaya telah membuat dua (2) pengiklanan bagi enam (6) Skim Perkhidmatan dengan kekosongan sebanyak 363 jawatan.

Tapisan Calon

Kaedah pengambilan yang biasa dilakukan oleh SPAJ adalah calon perlu melalui dua proses saringan sebelum ditawarkan iaitu tapisan awal dan temu duga. Walaubagaimanapun bagi berapa jawatan tertentu proses saringan melibatkan empat proses iaitu:

- Tapisan Awal
- Peperiksaan
- Penilaian Kompetensi
- Temu Duga

● Tapisan Awal

Calon-calun yang memohon dan mendaftar secara online dengan SPAJ bagi jawatan berkenaan akan ditapis permohonannya samada memenuhi syarat / Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang dipohon.

● Peperiksaan

Peperiksaan online bagi jawatan-jawatan tertentu telah diadakan mulai tahun 2015 dimana ujian ini telah mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Masa dan tarikh yang fleksibel akan diberikan kepada calon mengikut kesesuaian bagi menduduki peperiksaan tersebut. Komponen penilaian dalam peperiksaan ini termasuk pengetahuan dari segi kenegaraan, pengetahuan am, pengurusan organisasi, pengetahuan mengenai bidang kerja, budaya dan ekonomi negeri dan kebolehan berfikir.

● Penilaian Khas Kemasukan Pegawai Tadbir

Bagi jawatan-jawatan tertentu seperti jawatan Pegawai Tadbir Negeri Johor, calon-calun yang melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi penilaian khas. Pada sesi ini calon akan dinilai dari segi kompetensi yang melibatkan sikap produktif, kreatif, inovatif, pemudahcara, integriti dan tindak balas yang cepat dan ada ciri berfikir dan bertindak dalam menghasilkan kerja yang teratur, betul dan sempurna. Sesi ini juga melibatkan penilaian dari segi kecergasan, pengucapan awam dan latihan dalam kumpulan bagi jawatan tertentu seperti jawatan Pegawai Tadbir Gred N41

Ujian Pemanduan

SPAJ menjalankan Ujian Teori dan Amali bagi calon-calun yang memohon jawatan Pemandu Kenderaan Gred H11 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ujian terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ujian Teori dan Amali. Ujian teori mengandungi soalan objektif manakala ujian amali merupakan ujian pemanduan berhemah menekankan pada sebelum, semasa dan selepas kenderaan bergerak. Ujian amali mengandungi dua bahagian iaitu Rutin Pemeriksaan Kenderaan (RPK) dan ujian jalan raya.

Temu Duga

SPAJ menjalankan temu duga dengan tujuan dapat bersemuka dan menilai calon-calun berdasarkan kompetensi dan kebolehan bagi memastikan calon yang dipilih memang yang terbaik dan tepat untuk menyandang jawatan sebagai penjawat awam. Buat masa ini kaedah penilaian akan dinilai mengikut tingkah laku, cara berfikir dan kebolehan dan keupayaan calon untuk menjawab dan menilai sesuatu isu atau fakta yang dikemukakan.

Pusat-Pusat Temu Duga SPAJ

Bagi melancarkan urusan temu duga dan keselesaan kepada calon maka SPAJ membuat temu duga bukan sahaja di Johor Bahru tetapi juga di daerah-daerah di negeri Johor. Pusat-pusat temu duga tersebut adalah seperti berikut:



PUSAT TEMU DUGA KOTA ISKANDAR

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR

Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri



PUSAT TEMU DUGA DAERAH MUAR

PEJABAT DAERAH MUAR
PEJABAT TANAH MUAR

Jalan Peteri, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar,
Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH BATU PAHAT

PEJABAT DAERAH BATU PAHAT
PEJABAT TANAH BATU PAHAT

Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail,
Jalan Bakau Chondong, 83000 Batu Pahat



PUSAT TEMU DUGA DAERAH KLUANG

PEJABAT TANAH KLUANG

Pentadbiran Tanah, Pejabat Tanah Kluang,
86000, Kluang,
Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH KOTA TINGGI

PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI
Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar
81900, Kota Tinggi,
Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH PONTIAN

PEJABAT TANAH PONTIAN
Aras Bawah, Bangunan Sultan Ismail
82000, Pontian, Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH KULAI

PEJABAT DAERAH KULAI
Tingkat 2, Jalan Pejabat Kerajaan
81000 Johor



URUSAN PELANTIKAN

PENGENALAN

Pelantikan anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor merupakan salah satu daripada beberapa fungsi Suruhanjaya. Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan dalam portal JohorCareer. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada jabatan melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Pada tahun 2017, jumlah permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya adalah sebanyak **44,789**. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,439 calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Daripada jumlah yang dipanggil temu duga, seramai 1,440 telah menghadiri temu duga dan seramai 363 orang telah dilantik dan ditawarkan Pelantikan Tetap. Butiran menunjukkan jumlah permohonan, calon di panggil temu duga, calon hadir temu duga dan jumlah pelantikan tetap bagi Tahun 2017 adalah sebagaimana di **Jadual 1**.

JADUAL 1

**Bilangan Permohonan, Calon Dipanggil Temu duga,
Calon Hadir Temu duga, Calon Pelantikan Tetap
Bagi Tahun 2017**

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	BILANGAN CALON DI PANGGIL TEMU DUGA		BILANGAN CALON HADIR TEMUDUGA	JUMLAH CALON BERJAYA	
2017	44,789	2,439		1440	363	
		L	P		L	P
		1,465	974		205	158

Jumlah pemohon yang dipanggil temu duga dan jumlah pelantikan bagi tahun 2017 adalah sebagaimana **Jadual 2**.

JADUAL 2

**Bilangan Permohonan, Calon Dipanggil Temu Duga,
Calon Hadir Temu Duga, Calon Pelantikan Tetap
Mengikut Skim Perkhidmatan Bagi Tahun 2017**

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH PEMOHON	BIL. CALON MELEPASI TAPISAN DAN DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BIL. PELANTIKAN
1	Pegawai Syariah	LS41	1,395	25	18	3
2	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	2,073	174	122	7
3	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG41	3,721	82	75	13
4	Penolong Jurutera	JA29	3,344	343	263	78
5	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	13,123	185	163	80
6	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	6,090	320	209	34
7	Pembantu Veterinar	G19	3,749	182	56	11
8	Pembantu Operasi	N11	5,773	385	191	51
9	Penghantar Notis	N11	2,657	300	122	18
10	Pembantu Awam	H11	2,864	443	221	68
JUMLAH			44,789	2,439	1,440	363

*Permohonan jawatan bil. 5 di atas, pengisian adalah 10 % daripada kekosongan jawatan. Sebagaimana yang dipohon oleh jabatan.

PELANTIKAN TETAP

Sebanyak sepuluh (10) urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pada tahun 2017. Urusan ini meliputi pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Bilangan pelantikan tetap ke perkhidmatan kerajaan pada tahun 2017 adalah seramai

363 calon. Daripada jumlah tersebut seramai 23 calon bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala seramai 158 adalah daripada kumpulan pelaksana Gred 29-40 dan seramai 182 adalah dari kumpulan pelaksana gred 19 dan ke bawah.

Maklumat bilangan pelantikan tetap mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2017 adalah sebagaimana **Jadual 3**.

JADUAL 3

**BILANGAN PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN
JAWATAN BAGI TAHUN 2017**

KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN PELANTIKAN 2017
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	23
Kumpulan Pelaksana Gred 29 - 40	158
Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah	182
JUMLAH	363



URUSAN PERKHIDMATAN

Pengenalan

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor di bawah bidang kuasa seperti berikut;

- Pengesahan Pelantikan
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM)
- Pemberian Taraf Berpencen
- Penetapan Gaji Permulaan
- Pertukaran Pelantikan
- Penamatan Perkhidmatan

Bagi tahun 2017 sebanyak **1,624** **Urusan Perkhidmatan** telah dilaksanakan.

Pengesahan Pelantikan

Pengesahan pelantikan merupakan proses mengesahkan lantikan seseorang pegawai yang telah bersetuju menerima tawaran pelantikan ke jawatan tetap dan telah memenuhi syarat tawaran.

Suruhanjaya telah mengesahkan pelantikan untuk seramai 461 orang anggota perkhidmatan awam negeri Johor pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut 12 pengesahan adalah untuk pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 215 bagi pegawai kumpulan pelaksana Gred 29-40 dan 234 bagi Gred 19 ke bawah. Maklumat pengesahan pelantikan tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4**PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2016 – 2017**

BIL.	KUMPULAN	2016	2017
1	Pengurusan dan Profesional	12	12
2	Pelaksana Gred 29 - 40	255	215
3	Pelaksana Gred 19 ke bawah	-	234
JUMLAH		267	461

Butiran terperinci Pengesahan Pelantikan tahun 2017 mengikut Skim Perkhidmatan adalah sebagaimana **Jadual 5**.

JADUAL 5

PENGESAHAN PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2017

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Tadbir	N41	10
2	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	1
3	Pegawai Syariah	LS41	1
4	Penolong Pegawai Tanah	NT29	1
5	Penghulu	NP29	19
6	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	74
7	Penolong Jurutera	JA29	70
8	Penolong Pegawai Belia Dan Sukan	S29	2
9	Penolong Pegawai Pertanian	G29	49
10	Pembantu Akauntan	W19	8
11	Pembantu Juruaudit	W19	5
12	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	31
13	Pembantu Syariah	LS19	5
14	Juruteknik Komputer	FT19	4
15	Pembantu Veterinar	G19	11
16	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	2
17	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	56
18	Pengawal Keselamatan	KP11	3
19	Pembantu Awam	H11	25
20	Pemandu Kenderaan	H11	19
21	Penghantar Notis	N11	19
22	Pembantu Operasi	N11	46
JUMLAH			461

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan selepas syarat-syarat tertentu di patuhi oleh pegawai. Syarat-syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan adalah bagi lantikan pertama dan kenaikan pangkat secara lantikan.

Suruhanjaya telah meluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan sebanyak 768 permohonan yang terdiri daripada kumpulan pelaksana pada tahun 2017. Butirannya adalah sebagaimana **Jadual 6**.

JADUAL 6

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2016 -2017

BIL.	PERKHIDMATAN	2016	2017
1	Pengurusan dan Profesional	10	-
2	Pelaksana	1,066	768
JUMLAH		1,076	768



Butiran terperinci kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2017 adalah sebagaimana **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN

BIL.	JAWATAN	GRED	KELULUSAN PERMOHONAN
1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	243
2	Penolong Pegawai Tadbir	N29	8
3	Penghulu	NP29	5
4	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	8
5	Penolong Jurutera	JA29	12
6	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	13
7	Penolong Akauntan	W29	97
8	Penolong Pemeliharaan Hutan	G27	2
9	Penolong Pegawai Tanah	NT29	5
10	Penolong Pegawai Pertanian	G29	2
11	Pembantu Hal Ehwal Islam	S29	25
12	Pembantu Kemahiran	H22	1
13	Pelukis Pelan	J22	1
14	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	64
15	Juruaudio Visual	N19	2
16	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19	6
17	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	2
18	Pembantu Syariah	LS19	11
19	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	4
20	Pembantu Akauntan	W19	1
21	Pembantu Juruaudit	W19	3
22	Pembantu Pembangunan Masyarakat	S19	4
23	Pembantu Belia dan Sukan	S19	3
24	Pembantu Kemahiran	H17	32
25	Pengawas Hutan	G19	8
26	Pembantu Penyediaan Makanan	N19	3
27	Renjer Hutan/Penolong Pemeliharaan Hutan	G19	1
28	Pembantu Operasi	N11	12
29	Penghantar Notis	N11	3
30	Pembantu Awam	H11	137
31	Pemandu Kenderaan	H11	33
32	Pengawal Keselamatan	KP11	9
33	Pekerja Rendah Awam	R1(KUP)	8
JUMLAH			768

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan disebabkan oleh tidak lulus peperiksaan yang disyaratkan, belum menghadiri Kursus Induksi /Program Transformasi Minda atau tidak mendapat perakuan dan sokongan ketua jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaannya. Kelulusan bagi tempoh percubaan ini adalah sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30 (1)

Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Bagi tahun 2017 seramai 21 pegawai telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan dengan pecahannya 4 pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 17 pegawai daripada kumpulan Pelaksana. Maklumat kelulusan lanjutan tempoh percubaan adalah sebagaimana **Jadual 8**.

JADUAL 8

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2016 - 2017

BIL.	PERKHIDMATAN	2016	2017
1	Pengurusan dan Profesional	3	4
2	Pelaksana	12	17
JUMLAH		15	21

Butiran terperinci kelulusan Pelanjutan tempoh percubaan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2017 adalah sebagaimana **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN MENGIKUT SKIM BAGI TAHUN 2017

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH KELULUSAN
1	Kurator	S41	1
2	Pegawai Belia Dan Sukan	S41	3
3	Penghulu	NP29	2
4	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	2
5	Penolong Pegawai Tanah	NT29	1
6	Pengawas Hutan	G19	2
7	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	10
JUMLAH			21

**PENGECCUALIAN MENGHADIRI
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA
(PTM)**

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah meluluskan 8 permohonan bagi pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) sebagaimana yang disyaratkan untuk Pengesahan Dalam Perkhidmatan kerana

pegawai berkenaan telah menghadiri PTM semasa di jawatan sebelum ini. Maklumat kelulusan pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) adalah sebagaimana **Jadual 10**.

JADUAL 10
**PENGECCUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)
TAHUN 2017**

BIL.	JAWATAN	2016	2017
1	Pengurusan dan Profesional	1	-
2	Pelaksana	11	8
JUMLAH		12	8

Butiran terperinci kelulusan Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) tahun 2017 **Jadual 11.**

JADUAL 11
PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)
TAHUN 2017

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH KELULUSAN
1	Penghulu	NP29	3
2	Penolong Pegawai Pertanian	G29	2
3	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
4	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	1
5	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH			8

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan membuat opsyen tidak memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah memilih skim pencen mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi Taraf Berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 38(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam

(Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Sepanjang tahun 2017 Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 315 pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor. **Jadual 12** menunjukkan pecahan pegawai mengikut kumpulan yang telah diberikan taraf berpencen.

JADUAL 12
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN BAGI TAHUN 2016 - 2017

BIL.	PERKHIDMATAN	2016	2017
1	Pengurusan dan Profesional	4	5
2	Pelaksana	428	310
JUMLAH		432	315

Jadual 13 menunjukkan kelulusan Pemberian Taraf Berpencen mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2017.

JADUAL 13
PEMBERIAN TARAF BERPENECEN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2017

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH KELULUSAN
1	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	1
2	Pegawai Syariah	LS41	3
3	Pegawai Pertanian	G41	1
4	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	9
5	Penghulu	NP29	4
6	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	156
7	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	86
8	Juruaudio Visual	N19	4
9	Pengawas Hutan	G19	2
10	Pembantu Awam	H11	26
11	Pemandu Kenderaan	H11	2
12	Pekerja Rendah Awam	R1	21
JUMLAH			315

PENENTUAN GAJI PERMULAAN

Penentuan gaji permulaan seorang pegawai yang baru dilantik ditetapkan seperti berikut:

- Seseorang pegawai yang dilantik buat kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan ditentukan gaji permulaan mengikut Jadual Gaji Skim Perkhidmatan yang dilantik seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.
- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan telah disahkan jawatannya dan kemudian dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, penentuan gaji permulaan pegawai berkenaan hendaklah pada satu mata gaji yang lebih tinggi seperti diperuntukan di bawah Peraturan 25 (7) dan (8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.
- Pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25 (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

- Bagi bekas tentera yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengalaman yang relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang boleh ditimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji mengikut formula yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah menerima sebanyak lima puluh (50) urusan penentuan gaji permulaan tetapi kelulusan ditangguhkan disebabkan Suruhanjaya dalam proses penyemakan dan penyediaan kertas kerja Dasar Gaji Permulaan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016 yang mula berkuat kuasa mulai 23 Jun 2016.

PERTUKARAN

Urusan pertukaran yang melibatkan Suruhanjaya adalah termasuk:

- Pertukaran seseorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan yang sama atau berlainan di dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa SPAJ.
- Pertukaran seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor di bawah bidang kuasa SPAJ.
- Pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa SPAJ ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan tanpa melalui proses pelantikan biasa dan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa sekarang. Kaedah pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya pada masa ini adalah termasuk:

- Pertukaran Pelantikan
- Pertukaran Perkhidmatan

PERTUKARAN PERKHIDMATAN ATAS PERMOHONAN SENDIRI


Permohonan Pertukaran Pelantikan dari Perkhidmatan Awam Persekutuan ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Pertukaran perkhidmatan yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya adalah atas permohonan sendiri. Pertukaran perkhidmatan bagi kes seperti ini dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain di tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu.

Urusan pertukaran perkhidmatan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002.

Permohonan Pelepasan Pelantikan dari Perkhidmatan Awam Negeri ke Perkhidmatan Awam Persekutuan

Tiada permohonan yang diterima mengenai Pertukaran Pelantikan dari Perkhidmatan Awam Persekutuan ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor pada tahun 2017.



URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

PENGENALAN

Seksyen 11 (1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri memperuntukkan, antara lain fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor adalah untuk menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap orang-orang yang ada di dalam perkhidmatan kerajaan negeri. Fungsi suruhanjaya berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib meliputi urusan berikut:

- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- Menguruskan rayuan tatatertib.

- Menguruskan kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri.
- Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan berikut:

- 1) Setiausaha Kerajaan Negeri
- 2) Pegawai Kewangan Negeri

Sepanjang tahun 2017, dua (2) urusan kenaikan pangkat bagi jawatan tersebut berbanding satu (1) urusan pada tahun 2016 sebagaimana **Jadual 14** berikut.

JADUAL 14
KENAIKAN PANGKAT BAGI TAHUN 2016 – 2017

BIL.	URUSAN	2016 BILANGAN PEGAWAI	2017 BILANGAN PEGAWAI
1	Setiausaha Kerajaan Negeri	1	1
2	Pegawai Kewangan Negeri	-	1
JUMLAH		1	2

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Sepanjang tahun 2017 sebanyak satu kes rayuan kenaikan pangkat telah ditimbangkan melibatkan kes rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat yang melibatkan lapan (8) orang pegawai. Maklumat lanjut adalah sebagaimana di **Jadual 15**.

JADUAL 15
KES RAYUAN KENAIKAN PANGKAT TAHUN 2017

BIL.	KUMPULAN JAWATAN	BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		
				SAH	UBAH	REMIT
1	Pengurusan dan Profesional	1	8	8	-	-

KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang khususnya Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor 1993, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib Negeri Johor. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai pihak berkuasa tatatertib bagi kes-kes

tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Sepanjang tahun 2017, tidak ada kes melibatkan tindakan tatatertib yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya.

RAYUAN TATATERTIB

Berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

Sepanjang tahun 2017 Suruhanjaya telah memutuskan 18 kes rayuan tatatertib berbanding 9 kes rayuan tatatertib pada tahun 2016. Maklumat lanjut adalah sebagaimana **Jadual 16**.

JADUAL 16
RAYUAN TATATERTIB TAHUN 2016 - 2017

BIL.	PERKARA	TAHUN 2016	TAHUN 2017
1	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib	7	18
2	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula.	2	-
3	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salahlaku perayu tapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan.	-	-
4	Mengakaskan keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan Membebaskan Perayu.	-	-
JUMLAH		9	18



MESYUARAT SURUHANJAYA

MESYUARAT SURUHANJAYA

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah mengadakan 12 kali Mesyuarat Suruhanjaya. Sebanyak 138 kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 11 kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Khas telah diadakan.

Selain itu, Suruhanjaya juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang telah bersidang sebanyak lima (5) kali sepanjang tahun 2017 dan telah

menimbang sebanyak lapan belas (18) kertas pertimbangan rayuan tatatertib. Selaku Pihak Berkuasa Melantik yang memiliki bidang kuasa menimbang rayuan kenaikan pangkat, satu (1) Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan lapan (8) kertas rayuan kenaikan pangkat telah dipertimbangkan.

Bilangan mesyuarat yang diadakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH
1	Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	12
2	Mesyuarat Khas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	4
3	Mesyuarat Tapisan	9
4	Mesyuarat Pelantikan	8
5	Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	5
6	Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat	1
7	Mesyuarat Pelanjutan Tempoh Percubaan	6
JUMLAH		45



PERBELANJAAN MENGURUS

PERUNTUKAN TANGGUNGAN T.02


Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Tanggungan T.02 sebanyak RM599,000.00 termasuk tambahan peruntukan bagi menampung perbelanjaan yang melibatkan Ahli-Ahli Suruhanjaya. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak RM270,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM328,000.00

untuk perkhidmatan dan bekalan, dan RM1,000.00 untuk aset. Prestasi keseluruhan T.02 bagi tahun 2017 adalah 98.29% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM588,763.60.

Rumusan peruntukan Tanggungan T.02 bagi tahun 2017 ditunjukkan seperti di **Carta 1** dan **2**:

CARTA 1

PERUNTUKAN DITERIMA T.02 TAHUN 2017






CARTA 2

PERBELANJAAN KESELURUHAN T.02 TAHUN 2017

PETUNJUK :

	PERUNTUKAN DITERIMA
	PERBELANJAAN
	BAKI



PERUNTUKAN BEKALAN B.01


Pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Bekalan B.01 sebanyak RM1,079,000.00 pada tahun 2017 untuk perbelanjaan pentadbiran Jabatan dengan peruntukan emolumen anggota adalah sebanyak RM865,000.00, RM184,809.00 untuk perkhidmatan, bekalan dan aset

sebanyak RM29,191.00. Prestasi keseluruhan B.01 bagi tahun 2017 adalah 82.78% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM893,198.88.

Rumusan peruntukan Bekalan B.01 bagi tahun 2017 ditunjukkan seperti di **Carta 1** dan **2**:

CARTA 1





PERUNTUKAN DITERIMA B.01 TAHUN 2017



CARTA 2

PERBELANJAAN KESELURUHAN B.01 TAHUN 2017

PETUNJUK :





PENGURUSAN MAKLUMAT

PENGENALAN

Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat dan ICT di negara ini, maka sebahagian besar proses kerja dan perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) dilaksanakan berteraskan ICT. Untuk itu Bahagian Pengurusan Maklumat telah diberi tanggungjawab memastikan pengurusan maklumat yang terancang dan bersepadu seiring dengan objektif penyampaian perkhidmatan yang berterusan kepada jabatan dan orang awam. Bahagian ini juga mendapat kerjasama dari segi pembangunan sistem tertentu daripada Unit ICT Negeri Johor terutama yang melibatkan proses permohonan secara online.

SISTEM APLIKASI DALAM TALIAN DAN SISTEM SOKONGAN BPM-SPAJ

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) juga membangunkan sendiri beberapa sistem aplikasi bagi tujuan pengurusan dan beberapa fungsi SPAJ termasuk:-

- **SISTEM APLIKASI DI BAWAH UNIT ICT JOHOR – JOHORCAREER**

Sistem Pengurusan Tenaga Kerja-JohorCareer Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan SPAJ.

Sistem yang telah dibangunkan ini merupakan sistem dalam talian yang digunakan oleh pemohon bagi memohon jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan Swasta. Secara ringkas sistem ini memerlukan pemohon untuk mendaftar satu akaun dan mengisi borang secara online bagi memohon

jawatan kosong. Modul ini juga akan mengemaskini maklumat pemohon dan menyemak status permohonan dari masa ke semasa.

- **Sistem Penilaian Prestasi Temu Duga V2 (SPPT)**

Sistem ini dapat membantu Unit Pengambilan dan Perkhidmatan bagi mengemaskini maklumat calon temu duga dan membantu Panel bagi penilaian prestasi temu duga semasa sesi temu duga dijalankan.

- **Sistem Pengurusan Pengambilan (SPP)**

Pendaftaran surat-surat masuk dari jabatan-jabatan oleh Setiausaha Pejabat dan penyemakan penerimaan surat di Unit Perkhidmatan.

- **Sistem Pengurusan Pengambilan (e-Perkhidmatan)**

Membuat semakan status urusan perkhidmatan semasa iaitu urusan Pengesahan Lantikan, Pengesahan Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Pelanjutan Tempoh Percubaan.

- **Sistem Pengurusan Fail (FMS)**

Berfungsi untuk mendaftar fail baru, permohonan pinjaman fail dan pemulangan fail oleh Unit Pentadbiran.

- **Sistem Pengurusan Aduan (SPAJ Jawab)**

Menerima aduan, cadangan dan pertanyaan pelanggan bagi penambahbaikan urusan perkhidmatan.


LAPORAN PORTAL RASMI & MEDIA SOSIAL (WEB 2.0)

Portal Rasmi SPAJ

Portal rasmi SPAJ adalah media perantaraan kepada semua pelanggan dalam menyampaikan maklumat yang sahih dan benar.


Sebagai inisiatif, BPM telah mengambil langkah untuk menukar sedikit struktur portal supaya lebih kemas dan informasi mudah capai.

Carta Pengemaskinian Maklumat Mengikut Urusan



Bahagian Pengurusan Maklumat telah menerima permohonan pengemaskinian portal dan media sosial melalui aplikasi IMS.

Carta Bilangan Pelawat dan *Like* Portal Rasmi dan Media Sosial 2.0




Web 2.0 atau lebih dikenali sebagai media sosial rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah mencatat pengurangan bilangan '*Likes*' dan '*Followers*' bagi Facebook dan


Twitter. Seperti yang dapat dilihat melalui carta di atas, bilangan '*Likes*' bagi Facebook rasmi mencatat peningkatan pada tahun semasa.

LAPORAN PENYELENGGARAAN ICT


Bahagian Pengurusan Maklumat melaksanakan penyelenggaraan berkala 2 kali setahun kepada semua peralatan komputer dan ict bagi memastikan setiap pengoperasi sistem tidak terganggu disebabkan kegagalan perkakasan ict. Berikut adalah carta suku pertama dan kedua.




Carta Penyelenggaraan ICT




Semua sasaran penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan baik pada setiap suku pertama dan kedua.





AKTIVITI SURUHANJAYA



**LAWATAN KERJA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI SELANGOR
12 FEB 2017**



Sebahagian kakitangan SPA
Selangor membuat lawatan ke
Bilik Fail.



Setiasaha SPAJ menyampaikan
taklimat kepada peserta lawatan.



MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN

1. ENCIK MISHAZLI BIN ABDUL RAHIM (15 FEBUARI 2017)
2. ENCIK ZARUL REDHA BIN ZULKIFLY (29 MAC 2017)
3. ENCIK JAMALUDDIN BIN AHMAD (15 OGOS 2017)
4. PUAN NADHIRAH BINTI ABD MAJID (12 OKT 2017)
5. ENCIK MUHAMMAD AZRIE BIN DAUD (26 DISEMBER 2017)



KARNIVAL SKILL MALAYSIA ZON SELATAN 2017
KILANG BATERI TAMPOI JOHOR BAHRU
2 APRIL 2017



Sebahagian pelawat berkunjung
ke *booth* SPAJ



**MAJLIS ANGKAT SUMPAH SETIAUSAHA SPAJ BARU
ENCIK SUFIAN BIN SULEIMAN
BILIK PERSIDANGAN SPAJ
16 APRIL 2017**



**KARNIVAL KERJAYA UTM
INSTITUT SULTAN ISKANDAR UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA
18-19 APRIL 2017**



**MAJLIS PERPISAHAN MANTAN SETIAUSAHA SPAJ
TUAN HAJI MOHAMAD YAZID BIN BAHARUDDIN
THE LEDANG URBAN RETREAT
25 APRIL 2017**



**UJIAN TEORI DAN PRAKTIKAL CALON PEMANDU
KENDERAAN GRED H11 DENGAN KERJASAMA JABATAN
PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)
20 SEPT 2017**



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN LANTIKAN
JAWATAN PENOLONG JURUTERA JA29
5 MAC 2017**



Calon berjaya dalam jawatan
Penolong Jurutera JA29.

Tuan Haji A. Jabar sedang
menyampaikan surat tawaran
pelantikan kepada salah
seorang calon yang berjaya.



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN LANTIKAN
JAWATAN PEMBANTU OPERASI N11 DAN PENGHANTAR
NOTIS N11
9 JULAI 2017**



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN LANTIKAN
JAWATAN PEMBANTU AWAM H11
12 DISEMBER 2017**



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN LANTIKAN
JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DG41
21 DISEMBER 2017**



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016
THE LEDANG URBAN RETREAT
EAST LEDANG ISKANDAR PUTERI
17 OKT 2017



• Peraturan P.U.J. (A) 1/2012 – pelaksanaan
 Gerakan 1000 Hari Pertama Kehidupan
 pertama tetapi gagal diaktifkan dalam perkhidmatan
 semasa dalam tempoh perubahan awalan @ yang
 dijalankan boleh ditamatkan


• Peraturan 50(2), P.U. (A) 1/2012 – gagal diim
 kurasi/ latihan vs disyorkan oleh POP

• Peraturan 50(3), P.U. (A) 1/2012 – pegawai yang
 diberi pengesanan dalam perkhidmatan dalam
 perkhidmatan terdahulu & diaktifkan ke
 perkhidmatan lain tetapi gagal diaktifkan
 dalam perkhidmatan – diaktifkan
 dalam kepentingan awam




**BENGKEL PENYEMAKAN DAN PENYEDIAAN FAIL MEJA
PEGAWAI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
DI HOTEL PARAGON JOHOR BAHRU
17 – 19 DISEMBER 2017**



A teal geometric pattern consisting of overlapping triangles and lines, located in the top-left corner of the page.

AKTIVITI WARGA SPAJ

A solid green geometric pattern consisting of overlapping triangles, located in the bottom-left corner of the page.

**BENGKEL LAPORAN TAHUNAN DAN HARI KELUARGA SPAJ
DI BAYOU LAGOON PARK RESORT MELAKA 8-9 FEB 2017**





Antara aktiviti sukaneka yang
diadakan sempena Bengkel Laporan
Tahunan dan Hari Keluarga
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Johor 2017



Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

- Sukaneka
- Majlis makan malam
- Penyampaian hadiah dan cenderahati sukaneka



**MAJLIS JAMUAN HARI RAYA DAN TAHLIL
25 JULAI 2017**



Majlis Jamuan Hari Raya dan tahlil
Allahyarham Encik Mohd Amir bin
Masdi, Pemandu Kenderaan SPAJ.



DALAM KENANGAN...

AL-FATIHAH...



**ALLAHYARHAM MOHD AMIR BIN MASDI
PEMANDU KENDERAAN GRED H11**

**TELAH KEMBALI KERAHMATULLAH
PADA 19 JULAI 2017 DI USIA 47 TAHUN**

SEMOGA ALLAH S.W.T. MENCUCURI RAHMAT KE ATAS ROHNYA

PENGHARGAAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta semua pihak atas kerjasama erat yang diberikan sepanjang tahun 2017.

Suruhanjaya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya serta seluruh warga SPAJ dan semua pihak yang terlibat dalam menyediakan laporan tahunan 2017 ini.

*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri
Johor Darul Takzim
Tel: 07-2666422/23
Fax: 07-2909890/91
Web Site: spaj.johor.gov.my
Email: spaj@johor.gov.my*

